


Telegram "CHIEFMIN KOTA KINABALU"

BIL. CMD JKM 100-15/35 Klt 10

Tolong sebutkan rujukan fail kami
dalam jawapan surat ini
(Please quote our file reference
in your reply to this letter)



JABATAN KETUA MENTERI
(CHIEF MINISTER'S DEPARTMENT)
Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

13 Januari 2010

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Mayor Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

Y Bhg Tan Sri/Datuk/Tuan/Puan,

**HARI TERBUKA PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN (GOVERNMENT
TRANSFORMATION PROGRAMME)**

Dengan segala hormat dimaklumkan bahawa Hari Terbuka Program Transformasi Kerajaan (Government Transformation Programme) peringkat Negeri Sabah akan di adakan seperti ketetapan berikut -

Tarikh : 21 - 22 Januari 2010
Masa : 8 00 Pagi - 5 00 Petang
Tempat : Grand Ballroom
Magellan, Sutera Harbour

2 Sehubungan dengan itu, Y Bhg Tan Sri/Datuk/Tuan/Puan dijemput hadir ke majlis hari terbuka tersebut **bersama-sama dengan 5 orang pegawai kanan di bawah jagaan masing-masing** Latarbelakang mengenai *Government Transformation Programme (GTP)* disertakan untuk makluman awal

03 **Kehadiran adalah diwajibkan**

Sekian dan salam hormat

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(SUKARTI BIN WAKIMAN)
Setiausaha Kerajaan Negeri


2/-

s k Setiausaha Persekutuan Sabah
Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah
Jabatan Perdana Menteri
Aras 7, Blok A
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah
88400 KOTA KINABALU
(*Sukacita kiranya Yang Berbahagia Dato' memaklumkan semua Ketua Jabatan & Agensi Persekutuan di Sabah*)

Telegram "CHIEFMIN KOTA KINABALU"

BIL. CMD JKM 100-15/35 Klt 10

Tolong sebutkan rujukan fail kami
dalam jawapan surat ini
(Please quote our file reference
in your reply to this letter)



JABATAN KETUA MENTERI
(CHIEF MINISTER'S DEPARTMENT)
Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

13 Januari 2010

Presiden Majlis Perbandaran Sandakan
Presiden Majlis Perbandaran Tawau
Semua Pegawai Daerah
Ketua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Semua Ketua Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)
Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil

Y Bhg Datuk/Tuan/Puan,

HARI TERBUKA PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN (GOVERNMENT TRANSFORMATION PROGRAMME)

Dengan segala hormat dimaklumkan bahawa Hari Terbuka Program Transformasi Kerajaan (Government Transformation Programme) peringkat Negeri Sabah akan di adakan seperti ketetapan berikut

Tarikh · **21 - 22 Januari 2010**
Masa · **8 00 - 5.00 petang**
Tempat · **Grand Ballroom
Magellan, Sutera Harbour**

02 Sehubungan dengan itu, Y Bhg Datuk/Tuan/Puan dijemput hadir ke majlis hari terbuka tersebut Latarbelakang mengenai *Government Transformation Programme (GTP)* disertakan untuk makluman awal

03 **Kehadiran adalah diwajibkan**

Sekian dan salam hormat

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(**SUKARTI BIN WAKIMAN**)
Setiausaha Kerajaan Negeri



PEMANDU
UNIT PENGURUSAN PRESTASI DAN PELAKSANAAN

LATAR BELAKANG:

Program Transformasi Kerajaan (GTP) telah diperkenalkan oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Najib Tun Razak pada April 2009 dan sasaran inisiatif GTP ini adalah untuk memperbaiki penyampaian para pegawai perkhidmatan awam dan menyediakan perkhidmatan terbaik kepada orang awam

Objektif GTP terbahagi kepada dua – pertama, mengubah kerajaan untuk menjadi lebih efektif dan bertanggungjawab, dan keduanya, membawa Malaysia ke hadapan, bersatu, selamat dan masyarakat berkualiti tinggi. Ini seiring dengan Misi Nasional untuk mencapai Wawasan 2020 -- mentransformasi Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi dan maju

Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), organisasi hibrid pertama yang diwujudkan di kalangan Kerajaan Malaysia dan diterajui oleh golongan cerdik pandai daripada perkhidmatan awam dan sektor swasta, telah ditubuhkan secara rasmi pada 16 September 2009

Objektif utama unit adalah untuk memantau pelaksanaan dan menilai prestasi GTP, memudahkan dan menyokong penyampaian Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Bidang Keberhasilan Utama Menteri (MKRA)

Pengerusi PEMANDU adalah YB Senator Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, yang dipertanggungjawabkan memantau Perpaduan Nasional dan Pengurusan Prestasi Jawatan Timbalan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif PEMANDU pula diterajui oleh YB Senator Dato' Sri Idris Jala, Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Perdana Menteri telah memperkenalkan enam NKRA, iaitu mengurangkan jenayah, memerangi rasuah, meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan, meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah, memperkasa prasarana luar bandar dan pedalaman, serta menambahbaik pengangkutan awam dalam jangka masa sederhana

Menteri-menteri terbabit akan memantau pelaksanaan portfolio KRA masing-masing dan mencapai sasaran-sasaran seperti yang ditetapkan di bawah

NKRA + NKPI

NKRA	NKPI	Menteri/ Kementerian Peneraju
Mengurangkan Kadar Jenayah	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Mengurangkan 20 peratus kadar jenayah jalanan menjelang akhir 2010 ▪ Melatih semula anggota-anggota RELA ▪ Menaiktaraf peralatan bagi agensi penguatkuasa ▪ Menubuhkan mahkamah khas untuk kes jenayah jalanan 	<p>Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein Menteri Dalam Negeri</p>
Memerangi Rasuah	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Mengemaskini polisi, prosedur dan penguatkuasaan ▪ Menggunakan proses tender terbuka atau terhad untuk projek-projek kerajaan 	<p>Dato' Seri Mohamad Nazri Aziz Menteri di Jabatan Perdana Menteri</p>
Meluaskan Akses Kepada Pendidikan Berkualiti dan Berkemampuan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menjadikan pendidikan pra-sekolah sebagai sebahagian sistem pendidikan nasional ▪ Memastikan kanak-kanak sekolah mahir membaca, menulis dan mengira sebelum Tahun 4 menjelang 2012 ▪ Memberi penghargaan kepada para pengetua dan guru besar berdasarkan prestasi 	<p>Tan Sri Muhyiddin Yassin Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran</p>
Meningkatkan Taraf Hidup Rakyat Berpendapatan Rendah	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Melaksanakan bayaran bantuan kebajikan pada setiap 1 haribulan mulai Januari 2010 ▪ Meningkatkan jumlah usahawan wanita kepada 4,000 menjelang 2012 di bawah program Sahabat Amanah Ikhtiar 	<p>Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat</p>

<p><i>Memperkasa Prasarana Luar Bandar</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Membina jalan pedalaman sepanjang 1,500 km di Sabah dan Sarawak menjelang 2012 ▪ Meningkatkan bekalan air bersih di Sabah dan Sarawak kepada 80% menjelang akhir 2012 ▪ Meningkatkan liputan bekalan elektrik kepada 95% di Sabah dan Sarawak pada akhir 2012 ▪ Menyediakan bekalan elektrik 24 jam kepada 7,000 keluarga Orang Asli di Semenanjung Malaysia pada akhir 2012 	<p>Dato' Seri Haji Mohd Shafie Apdal Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah</p>
<p><i>Menambahbaik Pengangkutan Awam Dalam Jangka Masa Sederhana</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Meningkatkan jumlah pengguna pengangkutan awam daripada 16% kepada 25% pada akhir 2012 ▪ Menambah sebanyak 35 set empat gerabak keretapi untuk beroperasi di laluan LRT Kelana Jaya menjelang akhir tahun 2012 	<p>Dato' Sri Ong Tee Keat Menteri Pengangkutan</p>

Fasa 1 GTP

Selepas pertama kali ia diperkenalkan pada April 2009, Fasa 1 atau perancangan dan reka bentuk inisiatif GTP telah disiapkan, lima bulan kemudian Kejayaan yang dicapai di bawah Fasa 1 melibatkan lima aspek -

- Enam portfolio NKRA secara kolektif dikenalpasti oleh Kabinet, sasaran KPI dan pelan-pelan pelaksanaan dibentuk dan kesemua enam Menteri peneraju yang dilantik, komited dalam menjalan dan melaksanakannya
- Kesemua 28 menteri telah mengenalpasti KRA menteri (MKRA) utama masing-masing bersama sub NKRA dan MKPI, yang akan dilaksanakan sepenuhnya selepas kajian pertama oleh Perdana Menteri pada November dan Disember tahun ini
- Sebanyak 38 Ketua Setiausaha kementerian-kementerian dan Ketua-Ketua Pengarah daripada agensi-agensi utama telah memulakan proses menyelaraskan dan penyelarasan semula KPI mereka dengan NKRA dan NKPI, termasuk KRA dan KPI menteri masing-masing
- Lebih 500 pegawai daripada pelbagai kementerian dan agensi diberi penerangan berkenaan asas metodologi KPI melalui penglibatan dalam proses ini dan akan bertindak sebagai agen perubahan' dengan latihan selanjutnya akan diberikan
- Perancangan bagi Bajet Negara 2010 dan perumusan Rancangan Malaysia Ke-sepuluh bagi 2011-2015 telah mengambil perhatian dan akan memberi fokus dan keutamaan kepada NKRA dan MKRA

Fasa II GTP

Inisiatif GTP kini berada di bawah Fasa II dan semasa tempoh ini, PEMANDU akan memberi tumpuan kepada tiga aktiviti utama-mengendalikan lapan makmal (*labs*), setiap satu bagi enam NKRA, menganjurkan 'Hari Terbuka GTP' untuk orang awam, dan melancarkan Hala Tuju GTP 1Malaysia

Lapan makmal yang dimulakan pada awal Oktober telah selesai dikendalikan pada pertengahan November 2009 Ia telah menghasilkan ribuan program yang mensasarkan pencapaian dan merealisasikan enam NKRA

Makmal ini dilaksanakan dalam persekitaran penyelesaian masalah yang intensif dengan ruang kerja khas serta penglibatan ahli kumpulan kerja sepenuh masa Ahli-ahli kumpulan berkerja ke arah penyampaian dengan pemantauan prestasi yang intensif Pendekatan makmal membolehkan kumpulan-kumpulan bukan sahaja berusaha ke arah mengenalpasti cabaran dan penyelesaian, tetapi yang lebih utamanya, menyampaikan keputusan penting dengan lebih pantas

Lebih 250 individu daripada pelbagai Kementerian, agensi dan jabatan dari seluruh negara terlibat dalam makmal-makmal tersebut Dalam setiap makmal, sekurang-kurangnya terdapat 20 organisasi bekerjasama, mengurangkan halangan dan silo dengan matlamat untuk meningkatkan perkhidmatan penyampaian kerajaan dan memupuk budaya prestasi tinggi

Seiring dengan polisi kerajaan untuk lebih ketelusan dan penglibatan seluruh rakyat Malaysia dengan semangat konsep 1Malaysia, Hari Terbuka akan diadakan pada pertengahan Disember 2009, yang mana objektifnya adalah untuk menyediakan halatuju yang jelas dan pencapaian setakat ini dalam melaksanakan NKRA serta mendapatkan penyertaan orang awam terhadap inisiatif GTP

Hari Terbuka akan menyaksikan orang awam, media, organisasi bukan kerajaan dan kakitangan awam dijemput untuk meneliti keputusan pelbagai makmal pada Hari Terbuka tersebut. Peneraju-peneraju makmal pula akan hadir untuk menjawab soalan-soalan dan mendapat maklum balas daripada para pengunjung.

Pelaksanaan fasa turut membabitkan hasil halatuju GTP 1Malaysia- dokumen tahunan yang membolehkan orang awam untuk memahami keutamaan kerajaan termasuklah melakukan reformasi besar-besaran dan usaha penyampaian, serta pelan-pelan penyampaian bagi enam NKRA.

Halatuju juga akan menyediakan gambaran keseluruhan kepada orang awam untuk memahami isu-isu tertentu, sebagai contohnya -- bagaimana GTP melengkap inisiatif-inisiatif sedia ada di antara kerajaan, seperti Model Ekonomi Baru dan Pemudah, dan juga bagaimana usaha-usaha tersebut membantu negara mencapai 'Wawasan 2020'.

Halatuju akan diikuti pula dengan laporan tahunan berikutnya untuk memberi maklumat terkini kepada orang ramai mengenai prestasi penyampaian dibandingkan dengan pelan dan sasaran yang telah diumumkan. Salinannya boleh didapati dalam bentuk cetakan dan dimuat turun melalui laman web kerajaan.

